



SIARAN MEDIA

RAKYAT SELANGOR TERUS TERIMA MANFAAT INISIATIF KERAJAAN MADANI MELALUI PENGGANTIAN LIF DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM

PETALING JAYA, 18 Julai 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Projek Penggantian Lif dan sesi *walkabout* bertempat di Program Perumahan Rakyat (PPR) Kota Damansara sempena Program Sentuhan Kasih KPKT pagi ini.

Dalam majlis tersebut, YB KM telah merasmikan dua belas (12) unit lif yang telah siap digantikan di Blok A, B, C dan D, PPR Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor dengan jumlah kos sebanyak RM3.7 juta di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP). Penyaluran peruntukan ini adalah bertujuan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan penduduk di PPR Kota Damansara sentiasa terjamin.

Menurut YB KM, “Pada tahun 2023, Kerajaan Perpaduan telah menyediakan sebanyak **RM90.4** juta untuk penyelenggaraan dan baik pulih perumahan berstrata (bertingkat) awam dan swasta kos rendah dan sederhana rendah di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM). Daripada peruntukan tersebut, sejumlah **RM10.5** juta iaitu **11.6%** telah disalurkan khusus untuk negeri Selangor.”

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan **Inisiatif Belanjawan MADANI Tahun 2023** bagi **kerja-kerja penyelenggaraan lif di PPR dan perumahan awam** sebanyak **RM50 juta**. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak **RM2.26** juta diperuntukkan untuk negeri Selangor bagi penyelenggaraan lif di PPR Kg. Baru Hicom, Shah Alam.

Secara keseluruhannya, sebanyak **RM12.76** juta peruntukan Kerajaan Perpaduan telah disediakan kepada penduduk di Selangor terutamanya di PPR, perumahan awam dan

swasta berstrata untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih. Peruntukan kewangan ini telah disalurkan kepada Lembaga Perumahan Kerajaan Negeri Selangor (LPHS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai pelaksana untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih di perumahan berstrata.

Selain itu, KPKT melalui URBANICE Malaysia juga turut mewujudkan sebuah **Ruang Komuniti (*Community Corner*) melalui transformasi ruang sedia ada** di Blok C, PPR Kota Damansara dalam usaha **mencetuskan aktiviti sosial yang baik dan selamat** serta memberikan peluang kepada penduduk yang memiliki latar belakang, kumpulan umur, dan kaum yang berbeza untuk **membina hubungan komuniti yang sihat dan berdaya tahan**. Ruang ini dilengkapi dengan meja dan kerusi serta buku-buku untuk pembacaan dan aktiviti permainan sebagai platform bagi anak-anak penghuni PPR dalam melahirkan ekspresi, idea, mahupun emosi.

Buat masa ini, terdapat dua (2) buah Ruang Komuniti yang telah dibangunkan, iaitu di PPR Seri Malaysia dan yang terkini di PPR Kota Damansara. Projek Ruang Komuniti ini memberikan penekanan khusus kepada pembangunan komuniti B40 dengan impak keseluruhan kepada hampir 5,000 penduduk yang mendapat manfaat di dua kawasan tersebut.

Selain daripada komitmen daripada pihak Kerajaan, YB KM turut menyatakan terima kasih dan penghargaan kepada rakan strategik atas sumbangan **Corporate Social Responsibility (CSR)** iaitu syarikat TSLAW Land – EITA LIFT untuk kerja-kerja membaikpulih tujuh (7) tandas awam, syarikat ECO WORLD untuk kerja-kerja membaikpulih besi penghadang di lereng bukit Blok C dan D dan papan tanda (*signage*) PPR Kota Damansara dan Syarikat SIME DARBY PROPERTIES untuk kerja-kerja menaik taraf pondok kawalan dan gelanggang serbaguna serta mengecat blok. Keseluruhan sumbangan CSR ini bernilai lebih RM200,000.

Inisiatif kerjasama strategik bersama syarikat swasta akan diteruskan oleh Kerajaan MADANI dalam meningkatkan sifat muhibbah, semangat kekitaan dan keharmonian dan tanggungjawab bersama selain saranan supaya komuniti PPR untuk saling menjaga dan memelihara kemudahan yang telah disediakan ini untuk kegunaan bersama.

YB KM juga telah turun padang dalam siri lawatan kerja beliau sempena Program Sentuhan Kasih KPKT pagi ini bagi meninjau keperluan kemudahan awam serta infrastruktur di Gerai Selera Impian dan Dewan Komuniti Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Sebanyak RM1.45 juta peruntukan telah diumumkan melibatkan projek-projek BP.1 seperti kerja-kerja menaik taraf Gerai Selera Impian, Dewan Komuniti Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Taman Rimba Riang.

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri KPKT; YB Puan Rodziah binti Ismail, Ahli Parlimen Ampang; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; Tuan Haji Suhaimi bin Ali@Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YBhg. Dato' Jayaselan a/l K. Navaratnam, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan, Lembaga Pengurusan Hartanah Selangor, Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB), rakan-rakan strategik iaitu Sime Darby Property, EcoWorld dan TSLAW Land (EITA Lift) serta wakil penduduk PPR Kota Damansara.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan URBANICE Malaysia akan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri Selangor dan LPHS bagi memastikan manfaat dan impak dari penyelenggaraan perumahan berstrata ini akan dilaksanakan secara berterusan demi memastikan kesejahteraan dan daya huni rakyat terus terpelihara.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

